

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 APRIL 2016

Asas ekonomi mapan, tak bermasalah: Najib

» Ada pihak mahu kuasa luar campur urusan negara

BH - 13/4/2016



Najib berucap pada persidangan Invest Malaysia 2016 di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

Oleh Mohd Hamizar Hamid, Mahanung Abdul Aziz dan Lum Chee Hong
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata asas ekonomi Malaysia adalah mapan dan menyangkal dakwaan pihak tertentu kononnya ia bermasalah.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata pihak itu juga bertindak melanggar prinsip dengan membawa kuasa asing

untuk mencampuri hal ehwal dalaman negara.

“Seseorang yang sepatutnya lebih mengetahui mengenai perkara ini kini bercakap memburuk-burukkan Malaysia. Hakikatnya, mereka lebih mengetahui. Ekonomi Malaysia berdaya tahan, mapan dan inklusif.

Ringgit paling kukuh

“Ringgit adalah mata wang Asia paling kukuh sehingga saat ini. Ia mungkin memeranjatkan lawan politik saya yang mengatakan jika saya meneruskan tugas saya (sebagai Perdana Menteri) nilai ringgit akan jatuh

sehingga RM4.80 berbanding dolar, sedangkan nilainya kini RM3.88 satu dolar,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada persidangan Invest Malaysia 2016 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapha Mohamed dan Pengerusi Bursa Malaysia Berhad, Tan Sri Amirsham A Aziz.

Invest Malaysia 2016 yang berakhir hari ini dihadiri 2,200 delegasi terdiri daripada pembuat dasar, pengurus kewangan, pemimpin dan pengendali pemasaran.

Dalam ucapan sama, Najib berkata projek di bawah 1MDB seperti Tun Razak Exchange (TRX) dan Bandar Malaysia masih diteruskan sekali gus menafikan tuduhan kehilangan RM42 bilion.

Catat legasi sebenar

“Pada tahun-tahun mendatang, 1MDB akan mencatat legasi sebenar dan akan diingati. Dan sejarah akan menunjukkan bahawa dakwaan memalukan yang bermotifkan politik dibuat bagi menumbangkan kerajaan yang dipilih secara demokrasi, adalah palsu.

“Mereka mempunyai agenda dan kepentingan peribadi, yang diletakkan mengatasi kepentingan negara. Bagi mereka, kerosakan ke atas negara hanya kolateral. Bagi mereka tindakan itu wajar,” katanya.

Sementara itu, Najib berkata mulai tahun ini syarikat tersenarai di Bursa Malaysia wajib mendedahkan gender ahli lembaga pengarah dan barisan pengurusan kanan organisasi dalam laporan tahunan masing-masing.

Katanya, Suruhanjaya Sekuriti (SC) kini dalam usaha mengukuhkan cadangan mengenai kepelbagaian gender dalam semakan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang akan dikeluarkan tahun ini.

“Saya dengan berbesar hati mengumumkan kita hanya perlu 130 wanita lagi untuk memenuhi kuota 30 peratus golongan itu sebagai ahli lembaga pengarah 100 syarikat dalam negara,” katanya.

● RM5.5 bilion nilai saham tempatan dibeli pelabur asing suku pertama - Muka B1